

**PERTANYAAN-PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KETIGA BELAS 2016**

PERTANYAAN : **BUKAN JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU
MANSUR
(SILAM)**

NO. SOALAN : **153**

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan jumlah peruntukan yang telah dan akan digunakan untuk membina dan menaik taraf jalan-jalan kampung di kawasan Lahad Datu bermula dari tahun 2010 hingga 2020.

JAWAPAN :

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah peruntukan bagi membina dan menaik taraf jalan-jalan kampung di bawah Projek Jalan Perhubungan Desa (JPD) bagi kawasan Lahad Datu dan keseluruhan Parlimen Silam sehingga tahun 2015 ialah sebanyak RM8.88 juta dan bagi tempoh tahun 2016 sehingga tahun 2020 pula, ianya bergantung kepada peruntukan tahunan JPD dan senarai projek yang akan diluluskan.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN BERTULIS : **DATUK HAJI DATU NASRUN BIN DATU**
DARIPADA **MANSUR [SILAM]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Datuk Haji Datu Nasrun bin Datu Mansur [Silam] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini SMK Binuang Lahad Datu yang telah terbengkalai. Apakah usaha Kementerian dalam memastikan sekolah SMK Binuang ini dapat beroperasi secepat mungkin memandangkan kepadatan jumlah pelajar di Lahad Datu telah meningkat.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Status terkini pelaksanaan projek SMK Binuang Lahad Datu adalah pada tahap 78 peratus siap. Projek ini telah dilaksanakan oleh JKR Sabah dengan dipantau rapi pelaksanaannya oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk memastikan sekolah ini dapat disiapkan dan boleh beroperasi pada tahun 2017.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
DARIPADA [KOTA SAMARAHAN]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan status terkini perancangan pembinaan SMK Seri Samarahan dan Sekolah Kebangsaan Desa Ilmu serta projek-projek naik taraf sekolah-sekolah di Kota Samarahan.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Samarahan telah diluluskan pembinaannya dalam Rolling Plan 1 (RP1) RMKe-11.

Setakat ini, tiada perancangan untuk membina Sekolah Kebangsaan Desa Ilmu. Walaubagaimanapun, JPN Sarawak akan menjalankan tinjauan keperluan setempat bagi mengenal pasti keperluan bagi cadangan pembinaan sekolah tersebut. Semua pelaksanaan projek-projek naik taraf sekolah di Kota Samarahan tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan kemampuan kewangan negara.